

21 JUN 2003

RAFIDAH-PERSAINGAN/I

AHLI PERNIAGAAN TEMPATAN DIMINTA TIDAK TAKUT KEPADA PERSAINGAN

Oleh: Siti Hawa Othman

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- ahli perniagaan tempatan tidak perlu takut berhadapan persaingan yang semakin merebak di negara ini, tetapi sepatutnya memastikan mereka cukup kuat untuk menembusi pasaran antarabangsa, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini.

"Itulah sikap yang baik. Jangan takut kepada persaingan di tempat sendiri, di lapangan domestik sendiri.

"Kita telah dapat meneruskan hidup, rakyat kita akan meneruskan kelangsungan hidup jika cekap, berketahanan, sangat produktif, dan dengan sokongan kerajaan, ahli perniagaan kita akan dapat bersaing," katanya kepada pemberita pada waktu rehat pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno ke-54.

Rafidah berkata demikian ketika mengulas keputusan membenarkan penyertaan penuh bagi kesemua pelaburan baru serta perluasan pelaburan dan kepelbagaian syarikat sedia ada, yang diumumkan baru-baru ini.

Katanya, kerajaan telah menarik balik sekatan penyertaan asing dalam sektor perkilangan, termasuk eksport dan keadaan ekuiti.

Menteri itu berkata, perubahan dasar itu, yang merupakan sebahagian daripada pakej rangsangan, dibuat berikutan adanya persaingan sengit mendapatkan Pelaburan Terus Asing (FDI) dalam sektor perkilangan.

"Ini bermakna kita menuruti aspirasi pelabur hari ini bahawa di mana sahaja mereka pergi, mereka diberi ekuiti 100 peratus tanpa sekatan, walaupun bagi komposisi import," katanya.

Menurutnya, Malaysia kini dalam keadaan menuruti kriteria itu dan berupaya mencabar negara lain, yang turut menarik pelaburan asing dengan memperkenalkan kriteria itu.

Malaysia telah menyediakan insentif yang banyak tetapi yang paling penting sekali negara ini mesti terus menyediakan persekitaran paling stabil yang boleh membuatkan usaha niaga pelabur asing berdaya maju.

Sebelum ini, dengan kekecualiaan sesetengah sektor, orang asing tidak boleh memiliki penyertaan ekuiti 100 peratus melainkan mereka mengeksport 80 peratus.

"Apa yang telah kita berikan mereka (sekarang) ialah seperti menambah bahan ramuan di atas kek. Kami yakin dengan rekod pencapaian kami, kami akan dapat membawa masuk pelabur ke dalam sektor pengilangan dan lain-lain," katanya.

Katanya, dasar baru ialah memastikan kesemua jenis industri kekal lama kerana Malaysia kini telah sampai satu tahap ia sebenarnya boleh bersaing.

Bagaimanapun, jika ada syarikat yang tidak boleh (bersaing), ia adalah disebabkan masalah dalaman mereka sendiri," katanya.

Bagi industri yang perlu menghadapi persaingan sengit, kerajaan kemungkinan merasionalisasikan industri itu, dengan mencantumkan syarikat yang kecil menjadi besar.

"Kita tidak boleh mempunyao sikap mempertahankan hak kita dan akhirnya kita tidak berupaya menembusi pasaran lain. Dasar itu adalah satu perlambangan baik dasar yang bakal diperkenalkan kelak," katanya.

Rafidah berkata, kedua-dua pelabur tempatan dan asing kini mengejar pasaran eksport dan pelabur kini menggunakan Malaysia sebagai pangkalan eksport.

Beliau berkata, syarikat kecil tidak perlu takut tetapi adalah penting bagi syarikat Malaysia berkembang menjadi entiti besar untuk menembusi

pasaran asing bagi survival jangka panjang.

Katanya, Malaysia yang mempunyai 23 juta penduduk adalah satu pasaran kecil.

"Di luar sana ada berbilion penduduk yang boleh kita terokai," katanya.

Ketika ditanya sama ada ulasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai orang Eropah akan memberi kesan kepada pelabur, Rafidah berkata, ia tidak mempunyai kesan kepada ekonomi.

Katanya, ahli perniagaan tidak membuat keputusan berasaskan sebab politik tetapi berasaskan sama ada boleh buat wang atau tidak.

"Selama ini, kita telah mempunyai pelbagai kenyataan mengenai rakyat Amerika Syarikat, Eropah dan Austrilia tetapi perniagaan dengan rakyat mereka terus dilakukan seperti biasa. Malah, pelabur terbesar negara ini kekal rakyat Amerika Syarikat," katanya. -- BERNAMA

SHO FR AHM